

KONSEP FEUDALISME: TAKRIF, CIRI-CIRI DAN GARIS SEMPADAN

AZMI ARIFIN

ABSTRAK

Kajian ini meneliti persoalan feudalisme, satu konsep yang sering menimbulkan perselisihan pendapat dalam kalangan sarjana. Feudalisme merupakan konsep Eropah yang diperkenalkan untuk membicarakan sejarah masyarakat Eropah Barat Zaman Pertengahan kurun ke-11 hingga ke-13. Namun pada hari ini, ia sering disalahfaham dan dikaitkan dengan gejala masyarakat tradisional atau moden di seluruh dunia yang tidak jelas dengan ciri-ciri feodalnya. Ahli sejarah dan sains sosial terutamanya telah mewujudkan banyak kekeliruan dalam tulisan mereka kerana mengaitkan feudalisme dengan apa sahaja unsur yang dianggap sebagai mundur, jahat dan negatif, biarpun pada hakikatnya feudalisme merupakan satu amalan yang telah membina landasan penyatuan dan kemajuan kepada masyarakat Eropah. Dalam tulisan ini, takrif dan gagasan utama feudalisme akan diteliti bagi memahami maksud sebenarnya. Tujuannya ialah untuk mengenal pasti ciri-ciri asas konsep ini yang dapat mengasingkannya dengan unsur bukan feodal. Berdasarkan penelitian ini, didapati feudalisme merupakan satu konsep yang dilahirkan untuk menerangkan tentang kemelut zaman perang dan kekacauan di Eropah. Aspek atau ciri utama konsep ini ialah ketenteraan, bukannya sosial, ekonomi ataupun politik semata-mata seperti yang sering ditekankan oleh para pengkaji. Perbincangan tentang feudalisme yang berdasarkan aspek ketenteraan itu dapat memberi kefahaman yang lebih baik serta menghakis kekeliruan yang timbul mengenai konsep itu.

PENDAHULUAN

Perbincangan tentang konsep feudalisme sering mencetuskan perdebatan dalam kalangan pengkaji. Ramai beranggapan konsep ini, tidak seperti konsep-konsep sejarah lain seperti kapitalisme, sosialisme dan komunisme, sangat kabur dan tidak dapat diberikan satu takrifan yang tepat. Ini kerana latar belakang pengkajian sejarah yang berbeza-beza memungkinkan wujudnya pelbagai takrifan oleh pengkaji.¹

Tulisan yang menyentuh tentang teori dan perkembangan feudalisme telah banyak diketengahkan. Namun semakin meluas kajian dibuat, semakin sukar pula ahli sejarah bersepakat tentang ciri-ciri pokok yang terkandung dalam konsep itu. Tidak hairanlah jika terdapat sesetengah pengkaji menolak penggunaan istilah 'feudal' dan 'feudalisme'. Ia dianggap satu bentuk penyalahgunaan perkataan dalam perbincangan sejarah masyarakat awal.

Oleh kerana kesalahfahaman terhadap konsep feudalisme berlaku akibat kekeliruan terhadap asas-asas yang terkandung dalam konsep itu, maka asas-asas yang membentuknya perlulah dikaji secara teliti dan terperinci. Kajian ini akan membahaskan tentang ciri-ciri pokok, faktor perkembangan dan garis sempadan yang terdapat dalam konsep feudalisme. Penjelasan yang panjang lebar terhadap persoalan-persoalan itu diharap akan dapat mengurangkan kekeliruan ahli sejarah terhadap konsep feudalisme.

FEUDALISME DAN AHLI SEJARAH

Richardson dan Sayles (1963) berpendapat istilah feudal dan feudalisme adalah "...kata-kata ciptaan yang paling mengecewakan pernah digunakan yang telah merendahkan bahasa ahli sejarah. Kita perlu, jika boleh, mengelak daripada menggunakannya kerana ia telah ditakrif dengan terlalu banyak makna dan dengan makna-makna yang tidak tepat."²

Pandangan serupa turut disuarakan oleh Brown (1974).³ Brown berpendapat perbincangan tentang feudalisme sehingga kini banyak menimbulkan kekeliruan kerana penggunaan teori yang longgar dan pendekatan pengkaji yang tidak konsisten dalam menjelaskan tentang konsep itu. Ini menyebabkan istilah feudalisme, pada kacamata Brown, tidak membawa sebarang makna lagi. Oleh itu, menurutnya, istilah tersebut tidak lagi sesuai digunakan ahli sejarah.⁴

Pandangan Brown timbul akibat kekecewaannya terhadap kekeliruan yang dicetuskan oleh penggunaan istilah feudalisme hingga kini. Menurutnya, ahli sejarah telah membazir banyak masa dan tenaga menfokus kepada usaha-usaha mentakrif dan memperjelaskan ciri-ciri satu konsep yang dianggapnya tidak wujud, atau tidak dapat dipertahankan kewujudannya.

Menurut Brown lagi, pergantungan yang keterlaluan terhadap sesuatu konsep menyebabkan ahli sejarah hanya memberi perhatian kepada fenomena yang wujud di persekitaran konsep itu sahaja, sedangkan ini tidak menggambarkan realiti sejarah yang sebenarnya berlaku, khususnya dalam masyarakat Eropah Barat Zaman Pertengahan. Brown berpendapat sudah sampai masanya para pengkaji menolak penggunaan konsep-konsep yang kabur seperti itu. Menurutnya, "*The tyrant feudalism must be declared once and for all deposed and its influence over students of the Middle Ages finally ended. Perhaps in its downfall it will carry with it those other obdurate isms – manorial, scholastic, and human – that have dominated for far too long the investigation of medieval life and thought.*"⁵

Pendapat ini, dari beberapa segi, ada kebenarannya juga. Jika dilihat kepada sifat-sifat tulisan yang dihasilkan sehingga kini, kita dapati memang wujud pelbagai unsur kecelaruan dalam penggunaan konsep feudalisme. Misalnya wujud percanggahan yang meluas tentang takrif dan ciri-ciri pokok yang terkandung dalam konsep itu. Percanggahan timbul akibat sikap ahli sejarah sendiri yang bukan sahaja tidak menerima takrifan yang dikemukakan oleh para pengkaji awal, malah mereka lebih cenderung memberikan takrif serta ciri-ciri tersendiri yang bercanggah antara satu sama lain.

Di kalangan ahli sejarah secara umumnya, ramai menganggap feudalisme satu fenomena politik-ketenteraan dengan menekankan wujudnya unsur-unsur pembahagian kuasa, sistem perundangan dan kelas-kelas ketenteraan persendirian yang diasaskan oleh hubungan *vassalage-fief*.⁶ Namun tidak kurang pula yang menganggapnya satu fenomena sosioekonomi.⁷ Bahkan ada pengkaji menganggap feudalisme satu fenomena psikologi.⁸

Kajian-kajian yang berbeza dari segi tempat dan jangka masa pula menampilkan seolah-olah wujud ciri-ciri feudalisme yang berbeza. Hakikat ini bukan sahaja terdapat dalam tulisan-tulisan yang membuat perbandingan antara perkembangan yang berlaku di Eropah dengan bukan Eropah seperti Perancis dengan Jepun, China, India dan sebagainya tetapi juga antara sesama negara

Eropah. Sebagai contoh, Maitland (1908) yang membandingkan perkembangan feudalisme Perancis dan Britain mengatakan; “Feudalisme Perancis sama sekali berbeza dengan feudalisme England, dan feudalisme kurun ke-13 adalah jauh berbeza dengan feudalisme kurun ke-11.”⁹ Lyon (1959) semasa membuat perbandingan antara feudalisme Eropah dengan bukan Eropah pula mengatakan feudalisme adalah:

*...a system peculiar to Western Europe and was not found elsewhere except in a few regions of the Mediterranean and the Middle East where it was introduced for a time by the Crusaders. This does not mean that there were not [sic] feudal systems in other areas of the world, but that western feudalism was quite different from Byzantine, Moslem, Japanese, and Chinese feudalism. These feudal systems existed during different periods of world history, were organized on different principles, and were developed to meet demands peculiar to the regions in which they arose.*¹⁰

Percanggahan pendapat juga timbul akibat pelbagai pendekatan yang digunakan oleh pengkaji. Misalnya dalam kajian feudalisme Eropah Barat, terdapat tiga pendekatan utama digunakan ahli sejarah. Antaranya pendekatan ‘sempit’ yang dipelopori penulis Anglo-Amerika, pendekatan ‘luas’ oleh pengikut-pengikut aliran *Annales* dan pendekatan Marxist. Ketiga-tiga pendekatan tersebut mengemukakan takrifan, ciri-ciri serta penjelasan berbeza tentang asas-asas utama yang terangkum dalam konsep feudalisme yang terdapat di Eropah Barat Zaman Pertengahan.

Para pengkaji pendekatan ‘sempit’ hanya menumpukan perbincangan kepada aspek-aspek politik atau ketenteraan, dengan menekankan perkembangan yang berlaku khususnya di sekitar pemerintahan kerajaan Carolingian Frankish dari kurun ke-10 hingga ke-13. Mereka yang menggunakan pendekatan ‘luas’ pula mengaitkan feudalisme dengan apa sahaja unsur yang terdapat dalam masyarakat Eropah Barat Zaman Pertengahan. Sebaliknya aliran Marxist menjuruskan perbincangan kepada corak pengeluaran ekonomi dan eksploitasi ekonomi golongan tuan tanah terhadap para petani atau *serf*. Perbezaan dalam setiap pendekatan yang diguna untuk mengkaji perkembangan feudalisme Eropah Barat sering mewujudkan kekeliruan, khususnya apabila ia turut digunakan secara yang tidak jelas dan konsisten oleh sesetengah ahli sejarah untuk membicarakan tentang perkembangan feudalisme di kawasan-kawasan lain pula.

Pendek kata, dengan wujudnya pelbagai kekeliruan dan percanggahan pendapat, jelaslah pandangan Brown sebelum ini bukannya tidak berasas. Penolakannya terhadap penggunaan konsep 'feudalisme' dalam kajian sejarah adalah lahir daripada kesedarannya yang tinggi terhadap kemungkinan ketidaktepatan sesuatu tafsiran sejarah yang dikemukakan jika berdasarkan penggunaan sesuatu konsep yang kabur semata-mata.

FEUDALISME DALAM KAJIAN SEJARAH

Perbincangan tentang feudalisme hingga kini masih menampakkan banyak kelemahannya. Tetapi ini tidak bermakna konsep feudalisme tidak boleh digunakan sama sekali. Sudah menjadi sesuatu yang lumrah setiap konsep yang diperkenalkan akan terdedah dengan pelbagai kekurangan sehingga mendorong kepada kritikan serta percanggahan pendapat. Namun percanggahan pendapat itu haruslah dilihat secara positif sebagai satu langkah ke arah memperkukuhkan lagi kedudukan sesuatu konsep yang diperkenalkan.

Dalam hal ini, Brown bolehlah dianggap terlalu bersikap radikal kerana menolak sama sekali penggunaan konsep feudalisme. Sebenarnya beliau bukan hanya menentang penggunaan konsep feudalisme sahaja, bahkan menolak sepenuhnya penggunaan sebarang konsep dalam pengkajian sejarah. Jika pendapatnya diterima, ini bermakna kita tidak boleh lagi menggunakan sebarang konsep dan ini tentulah tidak munasabah jika dilihat kepada kesukaran-kesukaran yang mungkin timbul pada hari ini untuk kita menolak sepenuhnya penggunaan konsep-konsep yang sudahpun diterima umum seperti feudalisme.

Dalam menangani permasalahan ini, para pengkaji hendaklah berusaha memperbaiki segala kelemahan yang wujud dan bukannya menolak begitu sahaja sesuatu konsep yang diketengahkan. Kecuali jika konsep yang diperkenalkan itu langsung tidak sesuai, maka bolehlah mereka mengemukakan formula-formula lain yang dapat membantu mewujudkan kefahaman lebih mantap terhadap perkara yang dikaji.

Tanpa membina konsep-konsep yang dapat mewakili semua fenomena sejarah, menurut Postan (1971), "...bukan sahaja sejarah, malah semua perbincangan ilmiah akan menjadi sukar."¹¹ Didorong oleh kesedaran ini jugalah Marwick (1973) dengan penuh yakin mengatakan; "Ahli sejarah tidak boleh memulakan kerja-kerjanya tanpa menggunakan konsep-konsep umum seperti

perang, revolusi, kelas, petani, feudalisme, Renaissance... Semua ahli sejarah, sama ada mereka mengaku atau tidak, menggunakan konsep-konsep dan generalisasi."¹² Malah Brown sendiri tidak terlepas daripada menggunakan konsep-konsep tertentu dalam tulisannya yang sesetengahnya masih diperdebatkan, misalnya 'kerajaan', 'politik', 'Zaman Pertengahan', 'kelas' dan sebagainya. Ini memperlihatkan kesukarannya sendiri untuk berpisah sepenuhnya daripada amalan mewujudkan konsep-konsep dalam pengkajian sejarah.

Dari sudut lain, kita perlu mempertimbangkan tujuan sebenar sesuatu konsep dikemukakan. Ia diperkenal untuk memberikan gambaran yang lebih dekat terhadap sesuatu peristiwa yang dikaji. Walaupun gambaran itu tidak semestinya realiti yang sebenar-benarnya berlaku, yakni realiti yang muktamad memandangkan setiap konsep yang digunakan lebih berfungsi sebagai satu model realiti, namun ia boleh dianggap mencapai gambaran paling dekat dari segi tafsiran sejarahnya. Kesalahan hanya wujud sekiranya para pengkaji menyamakan sesuatu konsep dengan realiti sebenar yang muktamad itu atau meletakkan tafsiran sejarah berasaskan keinginan untuk mempertahankan penggunaan sesuatu konsep semata-mata.

Dalam konteks perbincangan konsep feudalisme, ia sebenarnya telah memberi banyak sumbangan dari segi kefahaman tentang sejarah masyarakat awal. Ini diakui oleh Mukherjee (1981) yang menyatakan; "Konsep feudalisme, jauh dari menjadi halangan kepada penyelidikan, telah memberi galakan kepada perbincangan mengenai sifat-sifat dan fungsi-fungsi masyarakat prakapitalis dan praindustri di seluruh dunia."¹³ Marwick juga turut menegaskan; "Tanpa ragu-ragu lagi, banyak penemuan penting telah dicapai oleh ahli sejarah yang menggunakan konsep-konsep tersebut di atas, dan ia boleh diujahkan bahawa pendedahan teori-teori yang mantap menjadikan kajian lebih sistematik dan memberi kejelasan kepada setiap kesimpulan."¹⁴ Sememangnya pendapat tersebut amat berasas kerana jika diteliti, kita akan mendapati perbincangan tentang feudalisme sehingga kini telah menunjukkan banyak kemajuan sehingga membolehkan ahli sejarah, sekurang-kurangnya di Barat, mencapai kesepakatan terhadap asas-asas utama yang terkandung dalam konsep itu.

Pokok pangkalnya, tidaklah salah seseorang pengkaji mewujudkan sesuatu konsep atau teori dalam usaha-usahanya mendekati sesuatu fenomena sejarah. Namun konsep itu mestilah mempunyai keupayaan yang jelas dari segi takrifan, ciri-ciri serta garis sempadan sehingga dapat mengasingkannya dengan ciri-ciri konsep lain yang turut digunakan dalam perbincangan tentang sejarah masyarakat awal. Sebenarnya masalah kekeliruan yang tercetus terhadap konsep

feudalisme, sepertimana yang diakui oleh Brown sendiri, lebih banyak berpunca daripada sikap dan pendekatan yang diambil para pengkaji.

Pertama, ramai pengkaji menggunakan konsep itu tanpa memberikan takrifan serta ciri-ciri yang jelas. Akibatnya ciri-ciri sesebuah 'masyarakat feudal' yang dibincangkan dalam kajian mereka menjadi sangat kabur kerana orang tidak dapat menentukan dengan begitu jelas yang mana satukah ciri-ciri dalam masyarakat yang dibincangkan boleh dianggap sebagai ciri-ciri feudal ataupun tidak. Biasanya dalam kajian seperti itu seseorang penulis akan mengaitkan sesebuah masyarakat dengan feudalisme hanya kerana mereka didakwa mempunyai sebahagian daripada unsur yang kelihatan 'bersifat feudal', biarpun masyarakat itu secara keseluruhannya amat sukar dikaitkan dengan feudalisme. Misalnya masyarakat Rom pada era Republikan tidaklah mempunyai ciri-ciri jelas yang membolehkannya dikategorikan sebagai sebuah masyarakat feudal. Namun ada juga sesetengah pengkaji mengatakan dalam masyarakat negara-kota itu "...a feudal order of society still survived."¹⁵

Kedua, wujud juga kelemahan dari segi pendekatan yang diambil oleh para pengkaji sewaktu membicarakan tentang ciri-ciri sebuah masyarakat feudal. Walaupun tidak salah untuk kita menggunakan apa sahaja pendekatan yang difikirkan sesuai bagi mengkaji perkembangan sesebuah masyarakat feudal, tetapi pendekatan itu mestilah mempunyai asas-asas teori yang kuat, sofistikated, lengkap dan tersendiri dalam memberikan penjelasan-penjelasan yang cukup halus dan terperinci terhadap ciri-ciri sesuatu masyarakat yang dikaji. Ini penting kerana setiap masyarakat dunia mempunyai ciri-ciri yang berbeza antara satu sama lain. Namun pada hari ini kita mendapati sesetengah pendekatan yang digunakan untuk mengkaji perkembangan feudalisme tidaklah mempunyai keupayaan-keupayaan tersebut. Misalnya pendekatan yang digunakan oleh para pengkaji aliran Marxist boleh mewujudkan pelbagai kekeliruan.

Aliran Marxist mengaitkan feudalisme dengan ciri-ciri ekonomi seperti corak pengeluaran ekonomi dan penindasan ekonomi yang wujud berasaskan kegiatan penggunaan tanah. Dari kacamata aliran Marxist, pemilikan harta yang berasaskan tanah dan penindasan terhadap *serfs* serta para petani oleh tuan-tuan tanah yang memiliki manor merupakan asas-asas kepada pembentukan sesebuah masyarakat atau rejim feudal.¹⁶ Feudalisme juga dianggap sebagai satu tahap dalam perkembangan sejarah institusi manusia yang harus dilalui oleh setiap masyarakat di seluruh dunia sebelum mereka mencapai tahap zaman kapitalisme.¹⁷ Berasaskan takrifan itu, tidak hairanlah jika *Great Soviet Encyclopedia* (1956) mengatakan amalan feudalisme hanya berakhir di Eropah

Barat pada kurun ke-18, di Russia sehingga 1861, Soviet Asia sehingga 1917 dan China sehingga kurun ke-20.¹⁸

Takrifan yang digunakan aliran Marxist ini amat longgar kerana unsur-unsur penindasan ekonomi yang dikaitkan dengan feudalisme merupakan fenomena biasa yang turut berlaku dalam sesetengah masyarakat zaman kuno mahupun zaman moden, yang sukar dikaitkan dengan amalan feudalisme. Hakikat ini diakui sendiri oleh seorang sarjana aliran Marxist, Rodney Hilton (1984) yang menegaskan; “Eksplotasi terhadap golongan petani bawahan oleh kelas pemilik tanah wujud secara meluas dalam sejarah dunia, dari Asia hingga Amerika, dari zaman awal hingga moden. Jika ia merupakan corak pengeluaran feudal, maka feudalisme wujud di mana-mana dan bila-bila masa sahaja.”¹⁹ Justeru itu, pembahagian yang dibuat oleh aliran Marxist adalah terlalu luas dan ini menjadikan konsep feudalisme tidak bermakna lagi.

Namun punca utama kesalahfahaman ialah terdapat kecenderungan di kalangan ramai penulis yang menggunakan feudalisme untuk mencipta polemik dan mengkritik pihak lawan, sehingga menyebabkan istilah feudalisme pada hari ini dikaitkan dengan unsur-unsur keburukan dan kejahatan semata-mata. Sekurang-kurangnya sejak teretusnya Revolusi Perancis 1789,²⁰ dan sebahagian besarnya turut digalakkan oleh propaganda-propaganda yang dilancarkan golongan komunis dan Marxist-Leninist, istilah feudal dan feudalisme telah dijadikan alat penentangan ideologi untuk menggambarkan tentang segala kejahatan sejarah masa silam bagi membuat kritikan-kritikan terhadap gejala-gejala masa kini dan mencapai matlamat-matlamat masa depan. Pada zaman kolonialisme, istilah feudalisme turut digunakan sebagai gelaran bagi merendahkan imej sesuatu peradaban yang ingin dijajah. Kesan daripada penyalahgunaan-penyalahgunaan ini masih dapat dijejaki sehingga kini.

Pada hari ini, istilah feudalisme telah dikaitkan dengan apa sahaja institusi yang tidak berlandaskan kepada prinsip-prinsip kebebasan dan demokrasi mengikut acuan Barat. Ia digunakan untuk menggambarkan apa sahaja ciri masyarakat, institusi, keluarga dan individu yang dianggap tertutup, malas, kejam dan ketinggalan zaman.

Istilah-istilah tertentu yang negatif seperti corak hidup feudal, pemikiran feudal, psikologi feudal dan sebagainya telah dicipta untuk memburuk-burukkan sesuatu pihak yang ingin dikritik, sama ada terhadap pemerintah, parti pembangkang, raja, puak, tokoh agama dan individu-individu tertentu.²¹ Akibatnya pada hari ini, apabila seseorang pengkaji memulakan perbincangan

tentang feudalisme atau seseorang pembaca membaca tentang sesuatu tajuk yang dikaitkan dengan feudalisme, gambaran negatif inilah yang mula-mula muncul dalam pemikiran mereka hingga menyebabkan mereka begitu terikat dengan tanggapan yang memperlihatkan feudalisme sebagai satu gejala yang buruk atau jahat semata-mata.

TAKRIF DAN CIRI-CIRI

Memandangkan perbincangan yang dibuat secara lurus tentang konsep feudalisme sering mengundang kesalahfahaman, adalah lebih baik sekiranya asas-asas penting dalam konsep itu diperjelaskan satu persatu dengan lebih halus dan terperinci lagi. Apa yang dikehendaki di sini bukanlah untuk mewujudkan satu takrifan yang singkat terhadap konsep feudalisme, tetapi untuk mengenalpasti ciri-ciri pokok dan garis sempadan dalam konsep itu yang boleh mengasingkannya dengan konsep-konsep lain yang sehampir dengannya.

Feudalisme, menurut Cheyette (1968), merupakan satu konsep-teori.²² Oleh itu, apabila seseorang pengkaji ingin memberi takrifan terhadapnya, maka ia perlulah menjelaskan tentang elemen-elemen asas yang terkandung dalam konsep itu, mengemukakan sebab musabab kemunculannya serta juga garis sempadan yang wujud di dalam dan di luar daripadanya. Ini bermakna, seseorang pengkaji tidak boleh mengelak daripada membincangkan isu-isu yang bersifat teoritikal.

Dalam perbincangan tentang feudalisme sebagai satu konsep-teori, seseorang pengkaji perlulah mengemukakan ciri-cirinya satu persatu dan lengkap, tidak boleh menfokuskan kepada satu atau sebahagian cirinya sahaja. Kekeliruan sebelum ini timbul kerana sesetengah pengkaji cuba mentakrifkan feudalisme hanya berdasarkan tumpuan terhadap ciri tertentu, misalnya mereka mengkaji dari sudut ekonomi, politik, sosial atau ketenteraan semata-mata. Istilah-istilah tertentu yang diperkenalkan seperti 'feudalisme politik', 'feudalisme ekonomi', semifeudal, *bastard feudalism*²³ dan sebagainya merupakan satu bentuk kekeliruan. Ini kerana ia menyempitkan lagi perbincangan hanya kepada satu atau sebahagian daripada cirinya yang tertentu, yang kadangkala bukan hanya wujud dalam sesebuah masyarakat feodal tetapi juga sesebuah masyarakat yang rata-rata pengkaji mungkin tidak akan bersetuju menganggapnya sebuah masyarakat feodal.

Sehingga kini, penjelasan tentang konsep feudalisme banyak dirujuk berdasarkan kepada takrifan-takrifan awal yang dikemukakan oleh beberapa

pengkaji, khususnya Marc Bloch dan Ganshof. Bloch telah menerbitkan sebuah buku yang berjudul *La société féodale* pada tahun 1939-40 yang dikatakan mewakili pendekatan 'luas',²⁴ manakala Ganshof menghasilkan satu tulisan menarik yang berjudul *Qu'est-ce que la féodalité* pada tahun 1944 yang dikatakan mewakili pendekatan 'sempit'.²⁵ Kedua-duanya menjadi rujukan terpenting dalam pengkajian tentang sejarah dan perkembangan feudalisme bukan hanya di Eropah Barat, bahkan di seluruh dunia sehingga kini. Namun tulisan yang dibawa oleh kedua-duanya sering mencetuskan kekeliruan.

Ganshof yang melihat dari sudut pendekatan 'sempit' hanya membincangkan feudalisme dalam konteks wujudnya 'institusi feudal', iaitu berasaskan hubungan feudal *vassalage-fief* dan ciri ketenteraan sebagai *raison d'être* kepada kewujudan institusi tersebut. Penekanan kepada ciri ini semata-mata adalah terlalu khusus. Ia mungkin sesuai diguna untuk membicarakan tentang feudalisme yang wujud di Eropah Barat pada zaman kerajaan Frankish sahaja.

Bloch yang membicarakan tentang fenomena 'masyarakat feudal' pula membuka seluas-luasnya perbincangan mencakupi semua unsur yang terdapat pada Zaman Pertengahan; daripada soal pengagihan kuasa politik, amalan manorialisme dan serfdom sehinggalah kepada soal kesukaran sistem pengangkutan, tahap umur kematian, hubungan keluarga, perkahwinan dan corak pemikiran. Apa yang dikaji oleh Bloch sebenarnya bukanlah ciri-ciri sebuah masyarakat feudal semata-mata, tetapi ciri-ciri masyarakat Eropah Barat Zaman Pertengahan secara keseluruhannya. Pendek kata, kedua-dua pendekatan yang dikemukakan adalah terlalu ketat atau longgar kerana melihat dari sudut yang terlalu sempit atau luas. Oleh itu, kekeliruan pasti timbul apabila tulisan mereka digunakan sebagai rujukan bagi membincangkan tentang feudalisme di luar daripada batas-batas yang dijelaskan kedua-dua pengkaji.

Bagi mengelakkan kekeliruan, kita perlulah membuat satu garis pemisah terhadap ciri-ciri pokok yang terkandung dalam konsep feudalisme atau institusi feudal dan hubungannya dengan pembentukan sesebuah masyarakat feudal. Institusi, menurut Hoyt (1961) adalah bentuk-bentuk organisasi yang terangkum di dalamnya amalan-amalan dan hubungan tertentu yang dicipta oleh manusia untuk mencapai sesuatu tujuan.²⁶ Dalam konteks feudalisme, ia merangkumi beberapa perkara pokok.

Pertama ialah *vassalage* iaitu hubungan bertimbal balas yang dibuat melalui persetiaan seseorang hulubalang sebagai pengikut (*vassal*) kepada

seseorang hulubalang lain, yang diangkat sebagai tuan (*lord*) kepada *vassal* tersebut. Hubungan ini merupakan satu bentuk hubungan persendirian yang bersifat kehormat kerana ia melibatkan perjanjian antara dua orang individu yang terdiri daripada kelas hulubalang sahaja.²⁷ Golongan yang tidak terikat dengan persetiaan ini tidak boleh dimasukkan sebagai golongan feudal. Melalui hubungan ini, seseorang *vassal* dan *lord* akan diikat dengan fungsi dan tanggungjawab-tanggungjawab tertentu, iaitu memberikan ketaatan dan perkhidmatan, khususnya ketenteraan oleh *vassal* kepada *lord*nya manakala *lord* pula akan berfungsi memberi penjagaan dan perlindungan kepada *vassal*nya.

Melalui hubungan ini muncul ciri yang kedua iaitu *fief*, yang merupakan sejenis harta feudal, kebiasaannya berupa tanah, yang diberikan oleh seseorang *lord* kepada *vassal*nya bertujuan untuk mengikat persetiaan tersebut. Oleh kerana tujuan utama pemberian *fief* adalah untuk mendapatkan khidmat ketenteraan, maka *fief* juga dikenali sebagai *military fief*.²⁸ Sesetengah pengkaji yang melihat dari sudut pendekatan Marxist sering menyamakan *fief* dengan tanah. Namun *fief* tidak semestinya berupa tanah sahaja. Sebaliknya pangkat, jawatan, kedudukan dan sebagainya boleh juga diberikan sebagai satu bentuk *fief*.²⁹ Terdapat golongan *vassal* yang tidak mempunyai sebarang tanah (*landless knights*) merupakan satu fenomena biasa yang dapat ditemui di Eropah Barat pada sekitar kurun ke-11. Kewujudan golongan ini meskipun semakin berkurangan tetapi tidak pula lenyap pada kurun-kurun selepasnya.³⁰

Seperti yang dikatakan sebelum ini, tugas *lord* ialah memberikan penjagaan, terutamanya dari segi menampung keperluan sara hidup pengikutnya. Ini kerana *vassal* merupakan hulubalang sepenuh masa dan tidak terlibat secara langsung dengan sebarang aktiviti ekonomi. Di Eropah Barat Zaman Pertengahan, kegiatan ekonomi yang berkaitan dengan perdagangan dan pembangunan telah terjejas teruk akibat berlakunya siri-siri kekacauan, serangan luar dan peperangan yang berpanjangan. Keadaan ini menyebabkan kegiatan mengutip cukai tidak dapat dilakukan dan pembesar-pembesar atau raja-raja yang berfungsi sebagai *lord* atau *overlord* menghadapi masalah untuk melakukan pembayaran upah dalam bentuk wang. Ketika itu hanya terdapat dua cara yang membolehkan seseorang *lord* melaksanakan tugasnya. Paling kurang, seseorang *vassal* akan ditempatkan di istana-istana *lord* dengan menyediakannya makanan, pakaian, senjata atau sebarang keperluan yang dikehendakinya.³¹

Cara kedua ialah dengan memberikannya tanah sebagai sumber pendapatan yang boleh menampung keperluan hidupnya. Cara ini amat popular kerana dapat menarik minat golongan hulubalang yang berkuasa kerana ia

melibatkan jaminan dari segi kedudukan politik, ekonomi dan juga sosial.³² Seseorang *lord* yang tidak mampu mengikat kesetiaan seseorang *vassal* melalui pemberian tanah biasanya akan mendapati dirinya kehilangan sokongan dan pengaruh, manakala seseorang *vassal* yang tidak memiliki sebarang tanah pula sekalipun mempunyai taraf sosial yang lebih tinggi daripada seorang petani kaya, tetapi tidak mempunyai peranan penting dari segi politik dan pemerintahan. Dengan itu, mereka akan berada pada kedudukan sosial yang lebih rendah dalam hierarki kelas hulubalang atau bangsawan yang menguasai tanah.³³ Dari sudut ini, kita bolehlah mengatakan pemilikan tanah akan menentukan status dan kedudukan seseorang pada zaman feudal di Eropah Barat.³⁴

Timbul juga persoalan mana satukah antara kedua-dua ciri *vassalage-fief* itu boleh dianggap ciri feudalisme yang terpenting? Sebenarnya kedua-duanya merupakan ciri feudalisme yang terpenting. Tetapi dalam konteks hubungan feudal, walaupun perkataan 'feudal' itu berasal daripada perkataan *feudum* atau *fief*, namun *fief* berfungsi sebagai unsur kedua dan menjadi alat pengukuhan hubungan *vassalage* sahaja. Hubungan *vassalage* boleh wujud tanpa melibatkan sebarang pemberian *fief*, sebaliknya sesuatu *fief* hanya boleh wujud, atau sesuatu harta hanya boleh dianggap sebagai *fief* apabila adanya hubungan *vassalage* atau ada seseorang *vassal* memegangnya.³⁵

Ciri feudalisme yang ketiga ialah ketenteraan, iaitu wujudnya kelas-kelas hulubalang dan pelaksanaan khidmat-khidmat ketenteraan persendirian oleh *vassal* kepada *lord* sebagai balasan penerimaan *fief*. Oleh kerana tujuan asas hubungan *vassalage-fief* adalah mewujudkan satu organisasi ketenteraan yang efektif, maka perkhidmatan utama yang diberikan oleh *vassal* kepada *lord* ialah perkhidmatan ketenteraan, sedangkan perkhidmatan-perkhidmatan lain termasuklah yang melibatkan aspek-aspek ekonomi hanya merupakan perkhidmatan sampingan sahaja.³⁶

Ketenteraan, sebagaimana yang diujahkan oleh kebanyakan pengkaji sejarah feudalisme bukan sahaja di Eropah Barat, malah di Jepun, China, India, Timur Tengah dan sebagainya merupakan *raison d'être* kepada hubungan *vassalage-fief*.³⁷ Oleh kerana itu rata-rata pengkaji berpendapat institusi feudal tidak mungkin wujud tanpa adanya aspek ketenteraan. Malah perkembangan feudalisme sering dikaitkan bukan hanya dengan wujudnya organisasi atau institusi ketenteraan semata-mata, tetapi juga dengan munculnya kelas-kelas tentera elit baru dan perkembangan teknologi peperangan. Misalnya perkembangan feudalisme di Eropah Barat telah dikaitkan dengan kemunculan golongan *knights* dan *chivalry*, di Jepun kelas *samurai* dan *knight-archer*,

cataphracts di Byzantium dan Iran, *chariot-fighters* di Timur Tengah dan China dan sebagainya lagi.³⁸

Apa yang penting daripada perkembangan aspek ini ialah kewujudan kelas-kelas tentera elit baru yang lebih berdisiplin, terlatih dan mempunyai peralatan yang jauh lebih mahal telah menjadikan khidmat ketenteraan pada zaman feudal di Eropah hanya mampu dimonopoli segolongan kecil kelas bangsawan sahaja, khususnya daripada kalangan mereka yang menguasai sumber-sumber kekayaan seperti tanah. Dari segi sosial, perkembangan ini telah meningkatkan lagi jurang perbezaan yang sedia wujud antara kelas hulubalang yang terlibat dengan kegiatan ketenteraan dengan golongan rakyat biasa yang terikat dengan kegiatan pertanian. Berasaskan keadaan inilah Cronne (1932) mengatakan "*It is usual, and rightly so, to make specialized military service the touchstone of feudalism, for through it all else were drawn to a focus; and its acceptance as the determining principle of land-tenure involved a social revolution.*"³⁹ Stenton (1932) semasa memberikan pandangannya tentang aspek ketenteraan dalam perkembangan feudalisme Britain turut menegaskan;

*It is turning a useful term into a mere abstraction to apply the adjective 'feudal' to a society which never adopted the private fortress, nor developed the art of fighting on horseback, which had no real conception of the specialisation of service, and allowed innumerable landowners of position to go with their land to whatever lords they would.*⁴⁰

Seterusnya ciri feudalisme keempat ialah kuasa pemerintahan dan hak-hak perundangan persendirian yang dimiliki dan dilaksanakan oleh *lord* terhadap *vassal*nya, dan meliputi juga pelaksanaan ke atas penduduk bukan *vassal* tetapi berada di atas tanah-tanah kepunyaan *lord*, iaitu kuasa dan hak-hak yang biasanya dimiliki dan dilaksanakan oleh sebuah kerajaan.⁴¹

Memegang *fief* khususnya yang melibatkan pemilikan tanah-tanah persendirian yang amat luas bermakna seseorang *lord* juga turut menguasai segala sumber ekonomi, kuasa dan kedudukan yang terdapat di dalamnya, yang meliputi hak-hak pentadbiran, pelaksanaan undang-undang, mengutip cukai, mengawal institusi tentera dan polis, institusi kewangan dan segala fungsi atau tanggungjawab lain yang biasanya dikendalikan oleh sesebuah kerajaan. Oleh kerana ia diperolehi melalui perjanjian persendirian yang dibuat berdasarkan hubungan *vassalage-fief*, maka kuasa politik dan hak-hak pemerintahan itu juga dianggap sebagai hakmilik persendirian. Ini bermakna ia boleh diwarisi daripada satu keturunan kepada satu keturunan yang lain, dijual, dilelong atau diberikan

kepada orang lain.⁴² Memandangkan pada zaman feudal tanah-tanah *fief* dibahagikan berdasarkan hubungan *vassalage*, maka wujudlah suatu bentuk pembahagian kuasa antara golongan *lord*. Ini biasanya ditandai dengan wujudnya wilayah-wilayah kecil feudal yang berada di bawah kekuasaan seseorang *lord*, *chaque baron est souverain dans sa baronie* (setiap baron adalah penguasa di wilayahnya).⁴³ Walau bagaimanapun dalam setiap wilayah feudal ini seseorang *lord* tidaklah mempunyai kekuasaan mutlak kerana ia juga terpaksa berkongsi kuasa dengan *vassal-vassal* di bawahnya yang mengikat perjanjian dengannya.

Pemusatan kuasa ketenteraan, politik dan ekonomi di tangan seseorang *lord* telah menggalakkan perkembangan wilayah-wilayah feudal yang berdaulat dan berautonomi. Dalam sebarang pertembungan yang berlaku antara *lord* dengan raja, golongan *vassal* yang terikat dengan perjanjian feudal biasanya akan memberikan kesetiaan penuh kepada *lord* yang berada di atasnya dalam sesebuah hierarki feudal berbanding kepada seseorang raja yang tidak mempunyai hubungan secara langsung dengannya. Bagaimanapun corak hubungan ini bergantung juga kepada prestij dan kedudukan raja itu sendiri. Jika baginda merupakan pemerintah yang berpengaruh, maka kedudukan *lord* mungkin sedikit sebanyak dapat dikawalinya. Tetapi kebiasaannya pada zaman feudal, kedudukan seseorang raja amat lemah dan baginda selalunya tidak mempunyai kekuatan untuk mengawal pembesar feudal.

Bagi Strayer, aspek pemilikan kuasa dan hak-hak kerajaan oleh golongan *lord* ini merupakan ciri feudalisme yang paling asas dan terpenting. Menurutnya "*It is only when rights of government (not mere political influence) are attached to lordship and fiefs that we can speak of fully developed feudalism in Western Europe. It is the possession of rights of government by feudal lords and the performance of most functions of government through feudal lords which clearly distinguishes feudalism from other types of organization.*"⁴⁴ Memanglah ciri ini merupakan salah satu ciri feudalisme yang terpenting, namun pemilikan kuasa dan hak-hak kerajaan itu juga haruslah dilihat sebagai satu kesan langsung daripada wujudnya hubungan *vassalage-fief* dan perkembangan aspek ketenteraan yang telah dibincangkan sebelum ini.

Sebenarnya pada kurun ke-9 apabila kerajaan Carolingian mula mengalami keruntuhan, kelas-kelas hulubalang yang memegang *fief* telah dapat mewarisi serpihan-serpihan kuasa pemerintahan kerana keadaan masyarakat pada waktu itu sememangnya telah dibentuk oleh susunan berasaskan hubungan ketenteraan, yang membolehkan mereka yang menguasai hulubalang berada pada posisi untuk mengambil alih segala kedudukan politik dan hak-hak pemerintahan

pusat yang terpecah itu.⁴⁵ Oleh sebab itulah ramai pengkaji cenderung menganggap feudalisme Eropah Barat sebagai satu bentuk organisasi atau struktur ketenteraan berbanding politik; iaitu satu struktur ketenteraan yang menurut seorang pengkaji, "...after about a century, added political to military functions."⁴⁶

Keempat-empat aspek institusi feudal yang dibincangkan di atas merupakan ciri pokok feudalisme dan ini dipersetujui oleh rata-rata ahli sejarah, sama ada yang mendekatinya dari sudut pendekatan 'sempit' mahupun 'luas', atau yang mengkaji tentang perkembangannya di Eropah mahupun bukan Eropah. Walaupun akhirnya mereka bercanggah pendapat tentang ciri yang mana satukah harus dianggap sebagai ciri feudalisme yang paling asas dan terpenting, namun keempat-empat ciri tersebut merupakan ciri pokok feudalisme yang saling kait mengait dan mencukupi untuk membentuk sesebuah institusi feudal. Tanpa salah satu daripadanya, kita tidak mungkin boleh membicarakan tentang kewujudan feudalisme di mana-mana jua tempat.

Jelasnya, sebarang pentakrifan terhadap konsep feudalisme perlulah dikemukakan dengan mengambil kira kesemua empat ciri yang disebutkan di atas. Berdasarkan keempat-empat ciri tersebut, feudalisme bolehlah ditakrifkan secara asasnya sebagai satu bentuk organisasi yang diwujudkan oleh satu bentuk hubungan persendirian yang diikat antara seseorang individu dari kelas hulubalang dengan individu daripada kelas hulubalang yang lain, iaitu antara *lord* dan *vassal*. Melalui ikatan *vassalage* dan *fief*, seseorang *vassal* dikehendaki memberikan ketaatan dan khidmat ketenteraan kepada *lord*, manakala *lord* pula memberikan penjagaan dan perlindungan kepada *vassal*nya. Susunan ini kemudiannya menjadi asas kepada keseluruhan struktur politik, pemerintahan, perundangan dan kemasyarakatan yang wujud dalam setiap wilayah atau negara yang dikawal oleh corak hubungan tersebut.

Berasaskan kewujudan institusi feudal di atas, barulah kita boleh membincangkan tentang kewujudan sesebuah 'masyarakat feudal'. Menurut Hoyt dan Strayer, sesuatu masyarakat hanya boleh disebut sebagai masyarakat feudal jika wujud institusi feudal dan jika institusi tersebut mempengaruhi hampir keseluruhan struktur dan bentuk hubungan yang terdapat dalam sesebuah masyarakat.⁴⁷ Bagaimanapun, untuk mengelakkan perbincangan menjadi terlalu luas dan longgar, tumpuan haruslah diberikan kepada aspek-aspek utama yang menyentuh hubungan institusi dan masyarakat itu sahaja. Para pengkaji tidak harus mengenengahkan semua unsur yang terdapat dalam sesebuah masyarakat atau zaman feudal dengan menganggap kesemua unsur itu sebagai ciri pokok

feudalisme. Ini kerana dalam pembentukan sesebuah masyarakat feudal, tidak kesemua hubungan yang terdapat di dalamnya bersifat hubungan feudal, tetapi yang jelas dalam masyarakat itu institusi feudal menjadi amat penting dan berpengaruh sehingga ia dapat mengawal serta mencorakkan hampir keseluruhan organisasi politik, ekonomi dan sosial yang terdapat di dalamnya.

Menurut Strayer, meskipun feudalisme pada asasnya merupakan satu bentuk organisasi politik dan ketenteraan, namun ia turut mempengaruhi keseluruhan aspek kehidupan masyarakat feudal Eropah Barat Zaman Pertengahan yang berada dalam keadaan ketidakstabilan dan kekacauan berpanjangan. Dalam keadaan masyarakatnya yang memerlukan perlindungan dengan kekuasaan politik dan ketenteraan pula dikawal oleh golongan hulubalang feudal, maka ini telah melahirkan struktur perhubungan yang membolehkan kelas-kelas hulubalang menguasai semua kedudukan dalam organisasi masyarakat sama ada dari sudut politik, sosial mahupun ekonominya. Maka berdasarkan keadaan yang sedemikianlah Strayer menegaskan; *“It is legitimate to speak of feudal society, or a feudal age, if we remember that it was the political-military structure which made the society and the age feudal”*.⁴⁸

Dari satu segi, takrifan dan ciri-ciri masyarakat feudal yang dikemukakan di atas kelihatan agak ketat kerana ia telah menghilangkan fungsi atau kepentingan unsur-unsur tertentu yang lebih kompleks (misalnya hubungan keluarga, pemikiran dan psikologi) yang turut mempengaruhi bentuk-bentuk hubungan yang terdapat dalam sesebuah masyarakat feudal. Tanpa menafikan kepentingan-unsur-unsur tersebut, kita perlulah mengesampingkannya terlebih dahulu agar dapat menumpukan perhatian kepada unsur-unsur utama yang benar-benar dapat menentukan kewujudan sesebuah masyarakat feudal. Selepas itu, barulah kita boleh memberikan tumpuan kepada unsur-unsur itu kemudiannya setelah kita mengenengahkan terlebih dahulu kerangka-kerangka utama yang membentuk sesebuah institusi dan masyarakat feudal.

Ini penting untuk mengelakkan berlakunya kesalahfahaman hingga mendorong seseorang menyamakan semua unsur yang terdapat dalam sesebuah masyarakat feudal dengan ciri-ciri pokok konsep feudalisme. Kelemahan utama pendapat Bloch sebelum ini ialah beliau memasukkan semua unsur dalam masyarakat Eropah Barat Zaman Pertengahan ke dalam takrifannya tentang ciri-ciri asas sebuah masyarakat feudal. Pendekatan beliau menyebabkan kekeliruan timbul sehingga ada pihak menganggap ciri-ciri sesebuah masyarakat feudal mempunyai persamaan secara langsung dengan ciri-ciri masyarakat Eropah Barat Zaman Pertengahan.

LATAR BELAKANG PERKEMBANGAN

Dalam perbincangan di atas, kita telah menjelaskan empat ciri pokok yang terkandung dalam konsep feudalisme. Bagaimanapun, perbincangan berasaskan ciri-ciri statik sahaja tidak akan lengkap tanpa turut dimasukkan juga ciri-ciri dinamik. Ciri-ciri statik berfungsi untuk menjelaskan apa itu feudalisme dan apa asas-asas utama yang terkandung dalam konsep tersebut di samping membezakannya dengan konsep-konsep yang lain. Ciri-ciri dinamik pula berfungsi untuk menerangkan bagaimana feudalisme muncul, apa keadaan-keadaan atau faktor-faktor sebenar yang membolehkannya berkembang.

Barangkali faktor-faktor yang menggalakkan perkembangan feudalisme tidak sama mengikut perbezaan keadaan tempat dan masa. Walau bagaimanapun, ahli sejarah secara umumnya telah mengenalpasti beberapa kombinasi faktor yang perlu wujud bagi mendorong ke arah perkembangannya. Asakawa dan Strayer misalnya telah memberikan sekurang-kurangnya tiga faktor utama.

Pertama, feudalisme wujud apabila berlaku kemerosotan atau keruntuhan sesebuah kerajaan pusat, biasanya melibatkan satu bentuk pemerintahan yang secara relatifnya besar, menyebabkan kerajaan tersebut kehilangan kuasa dan tidak mampu lagi melindungi rakyatnya. Rakyat yang terpaksa mencari perlindungan baru terpecah kepada beberapa kelompok dan wilayah di bawah kekuasaan golongan persendirian yang menguasai tanah dan tentera. Ketiadaan sebuah kerajaan pusat yang kuat menyebabkan pembesar tempatan berkuasa di wilayah-wilayah itu. Mereka mula mengambil alih fungsi yang dimainkan oleh kerajaan khususnya dari segi menjalankan pemerintahan dan memberikan perlindungan kepada rakyat di wilayah-wilayah terbabit. Perkembangan feudalisme akan tersekat sekiranya wujud sebuah pemerintahan pusat yang tersusun kerana sesebuah pemerintahan yang kuat dan berpusat biasanya akan cenderung menghalang atau menghapuskan apa sahaja unsur yang boleh membawa kepada perpecahan kerajaannya.

Kedua, perkembangan feudalisme biasanya berlaku dalam sebuah masyarakat yang berada pada tahap ekonomi berasaskan tanah, khususnya pertanian. Ciri utama kegiatan ekonomi ini ialah ia hanya bersifat setempat, pertukaran barangan diusahakan secara barter sahaja dan melibatkan proses pusingan wang yang amat kecil. Akibatnya keuntungan daripada kegiatan ini tidak dapat menampung keperluan sistem pemerintahan atau organisasi politik yang besar, menyebabkan sesebuah kerajaan pusat tidak mempunyai punca

pendapatan mencukupi untuk membiayai jentera pentadbiran dan ketenteraannya. Perkembangan feudalisme akan terbantut apabila wujud kegiatan ekonomi yang lebih maju dan efektif. Misalnya terdapat kegiatan perdagangan yang pesat dan pertumbuhan ekonomi berpusatkan bandar-bandar yang membolehkan sesebuah kerajaan memperolehi sumber pendapatan mencukupi melalui kegiatan perdagangan dan percukaian bagi menampung keperluan pemerintahannya, sehingga ia tidak perlu lagi bergantung kepada sumbangan pembesar persendirian.

Ketiga, adalah perlu dalam sesebuah masyarakat itu berlaku keadaan kekacauan berpanjangan yang membolehkan hubungan persendirian berasaskan tanah dan tentera dibentuk menjadi satu organisasi yang amat praktikal dan diperlukan oleh keseluruhan masyarakat.⁵⁰ Punca-punca yang mewujudkan kekacauan mungkin berbeza sama ada melibatkan konflik-konflik dalaman atau luaran, tetapi catatan sejarah menunjukkan perkembangan feudalisme yang berlaku di Eropah Barat telah digerakkan oleh tekanan kedua-dua faktor tersebut. Konflik-konflik perebutan takhta, perang saudara dan juga serangan-serangan luar yang terpaksa dihadapi oleh pemerintah Frankish sejak dari zaman kerajaan Merovingian (500-751) lagi misalnya, melibatkan suatu jangka masa yang amat panjang dan sangat memeritkan bagi seluruh penduduk Eropah.

Oleh itu tidaklah berlebihan sekiranya ahli sejarah mengatakan gejala feudalisme lahir daripada konflik atau kancah zaman peperangan.⁵¹ Walau bagaimanapun apa yang harus difahami di sini ialah, ia bukan disebabkan peperangan secara singkat atau penaklukan yang serta merta sahaja, tetapi yang memakan masa begitu lama (menurut Asakawa dan Lattimore, sekurang-kurangnya untuk beberapa kurun atau generasi) sehingga meruntuhkan sepenuhnya asas-asas kesetiaan dan kesatuan yang pernah wujud dalam masyarakat dan membolehkan masyarakat itu secara mudah dibentuk semula dalam acuan sebuah masyarakat feudal yang diikat oleh institusi-institusi dan kesetiaan-kesetiaan baru berasaskan hubungan feudal.⁵²

GARIS SEMPADAN

Cahen melalui tulisannya yang bertajuk “*Réflexions sur l’usage du mot féodalité*” (1963) telah mengenalpasti dua punca utama yang mendorong kepada kekeliruan dalam pengkajian tentang konsep feudalisme sehingga kini.⁵³ Pertamanya, apabila ahli sejarah mengaitkan feudalisme dengan sesuatu masyarakat yang tidak

mempunyai sebarang ciri feudalisme. Keduanya, apabila ahli sejarah mengaitkan feudalisme dengan sesuatu masyarakat yang hanya mempunyai beberapa unsur tertentu yang dianggap sebagai bersifat feodal, tetapi bukanlah merupakan ciri-ciri pokok konsep feudalisme.⁵⁴ Kedua-dua bentuk kekeliruan ini sememangnya kerap terjadi sehingga mendorong sesetengah ahli sejarah mengaitkan feudalisme dengan apa sahaja unsur yang terdapat dalam apa jua bentuk institusi dan masyarakat awal.

Dalam usaha mengatasi kekeliruan tersebut, perlulah diwujudkan satu garis sempadan dalam pembentukan teori-teori feudalisme yang dapat mengasingkan konsep feudalisme daripada unsur-unsur lain yang terdapat di sekelilingnya. Dalam hal ini seorang pengkaji sejarah Jepun, Hall (1962)⁵⁵ telah menyarankan perlunya kajian dibuat berdasarkan kaedah penjelasan bersifat 'serampang dua mata'. Mengikuti Hall, sekiranya feudalisme ingin ditakrifkan berdasarkan wujudnya beberapa set hubungan politik dan sosial yang tertentu, maka seseorang ahli sejarah perlu juga menetapkan cara yang dapat menentukan batas-batas bagi setiap bentuk hubungan tersebut. Usaha ini, kata Hall, hanya boleh dilakukan sekiranya ahli sejarah dapat membezakan bentuk-bentuk kerajaan atau masyarakat yang berlainan daripada feudalisme.⁵⁶ Dengan erti kata lain, jelas Hall, "*It is difficult to conceive of feudalism without having come to grips more precisely with the concepts of what is not feudal. Without other possible categories of social organization in mind, we have little with which to determine the external boundaries of our conception of what is feudal, and we have little notion how to describe the preconditions which give rise to feudalism.*"⁵⁷

Model terbaik dalam menjelaskan konsep ini, menurut Hall, ialah dengan mengemukakannya melalui satu bentuk hujahan yang mengandungi dua bahagian. Satunya bahagian yang menjelaskan terlebih dahulu tentang asas-asas pokok yang terkandung dalam sesebuah institusi atau masyarakat feodal, dan keduanya bahagian yang menjelaskan juga batasan-batasan yang menentukan garis sempadan yang dapat membezakan institusi dan masyarakat feodal dengan bukan feodal.⁵⁸ Hall sendiri dalam kajiannya cuba mengenengahkan satu garis pemisah terhadap beberapa corak hubungan tertentu dalam masyarakat yang dianggapnya terkeluar daripada batasan hubungan feodal (*feudal nexus*). Menurut Hall, elemen utama yang membezakan antara sesebuah institusi dan masyarakat feodal dengan bukan feodal terletak pada corak hubungan *lord-vassal* yang kompleks dan aspek ketenteraannya.⁵⁹

Pada pendapat Hall, feudalisme tidak akan wujud dalam sesebuah masyarakat yang berasaskan perhambaan, aristokratik mahupun moden seperti yang terdapat pada hari ini kerana masyarakat tersebut belum atau tidak lagi diikat oleh fungsi-fungsi serta hubungan-hubungan yang bersifat ketenteraan dan berasaskan hubungan *lord-vassal*.⁶⁰ Institusi-institusi tertentu seperti manorial dan *serfdom* juga haruslah diletakkan di luar daripada batas-batas hubungan feudal kerana menurut Hall, ia tidak wujud secara spesifik hanya pada zaman feudal. Begitu juga golongan tertentu seperti pedagang atau peniaga tidak harus dikaitkan dengan feudalisme walaupun mereka tinggal dalam sesebuah masyarakat feudal. Ini kerana mereka tidak langsung terikat dengan sebarang bentuk hubungan feudal.

Strayer juga mengenengahkan beberapa bentuk institusi atau hubungan yang terdapat dalam masyarakat Zaman Pertengahan yang selalu disalahertikan sebagai ciri pokok feudalisme, tetapi sebenarnya bukan ciri-ciri penting dalam konsep itu. Misalnya feudalisme sering dikaitkan dengan institusi kebangsawanan, hubungan atasan-bawahan, hubungan tuan tanah-petani, pengeksploitasian terhadap golongan bawahan, perhambaan, *serfdom*, sistem kerah, manorialisme dan sebagainya kerana unsur-unsur itu terdapat dalam masyarakat Eropah Barat Zaman Pertengahan. Namun menurut Strayer, unsur-unsur itu sebenarnya bukanlah ciri-ciri pokok yang membentuk konsep feudalisme kerana ia tidak hanya wujud pada zaman feudal sahaja, tetapi juga pada zaman sebelum mahupun selepasnya. Oleh itu, kewujudan unsur-unsur tersebut tidak boleh dijadikan suatu ukuran untuk menentukan sama ada wujud atau tidak amalan feudalisme di sesuatu tempat.

Dengan meninggalkan unsur-unsur sampingan atau luaran yang tidak mempunyai kaitan secara langsung dengan konsep feudalisme, maka kita akan dapati amalan feudalisme hanya melibatkan urusan kelas bangsawan atau hulubalang sahaja.⁶¹ Mereka mewakili sebahagian kecil sahaja daripada golongan rakyat yang benar-benar terlibat dalam hubungan feudal. Golongan bawahan yang terdiri daripada hamba, *serf*, para petani sama ada yang bebas atau terikat, para pedagang dan peniaga dan golongan agama bawahan tidaklah terikat dengan sebarang bentuk hubungan feudal, tidak menjadi *vassal*, tidak memegang sebarang *fief* dan tidak mempunyai sebarang kuasa atau hak-hak bagi melaksanakan sebarang bentuk perundangan persendirian.⁶²

Kekeliruan utama yang selalu timbul sebelum ini ialah orang sering menyamakan *vassal* dengan *serf* atau *fief* dengan manor, sedangkan *vassal*

merupakan golongan hulubalang dan hubungan yang wujud antara *vassal* dengan *lord* adalah hubungan bertimbang balas yang bersifat kehormat berbanding dengan hubungan tidak kehormat yang wujud antara para petani atau *serf* dengan tuan-tuan tanah. Bagi kebanyakan pengkaji sejarah feudalisme Eropah, golongan *vassal* lebih berperanan sebagai parasit ekonomi, yakni mereka tidak terlibat secara langsung dalam aktiviti pertanian kerana ini akan menjatuhkan tarafnya sebagai kelas hulubalang atau bangsawan. Sebaliknya mereka hanya menumpang hasil daripada kegiatan ekonomi di atas tanah-tanah pertanian milik mereka yang diusahakan oleh golongan *serf* dan petani. Oleh itu, *vassal* berbeza daripada petani kerana mereka hanya terlibat dalam urusan ketenteraan mahupun pentadbiran, sedangkan semua pihak yang terlibat secara langsung dalam kegiatan pertanian tanpa mengira sama ada kaya atau miskin, bebas atau terikat, adalah golongan petani dan bukannya *vassal*.⁶³

Wujud juga kekeliruan terhadap *fief* kerana orang sering menyamakannya dengan manor. *Fief* bukan manor kerana ia merupakan satu bentuk harta feudal, sama ada yang melibatkan tanah, jawatan, pangkat dan sebagainya, manakala manor pula biasanya satu atau beberapa unit tanah pertanian (berserta para petani di dalamnya) yang terkandung dalam *fief* yang diberikan oleh *lord* kepada *vassal*. Dalam hubungan antara *vassal* yang memiliki manor dengan para petani dan *serf* yang terikat di dalamnya disebut sebagai manorialisme atau seigneurialisme, bukannya feudalisme.

Ahli sejarah berpendapat amalan manorialisme merupakan satu bentuk organisasi ekonomi yang sudah sekian lama bertapak di Eropah, malah dikatakan timbul sekurang-kurangnya sejak dari kurun ke-3 lagi. Sebaliknya amalan feudalisme hanya lahir di Eropah Barat sejak kurun ke-9.⁶⁴ Justeru, manorialisme dianggap berada di luar daripada struktur hubungan feudal kerana ia berkembang secara tersendiri sejak dari awal lagi dan bukan terdapat pada zaman feudal sahaja. Oleh itu dalam sesuatu perbincangan tentang feudalisme, ahli sejarah perlulah mengasingkan atau membezakan antara kedua-duanya. Sekiranya kedua-dua konsep ini dibincangkan secara bercampuraduk, ia hanya akan menimbulkan kekeliruan terhadap garis sempadan yang wujud dalam konsep feudalisme.

Satu lagi kekeliruan yang sering timbul dalam perbincangan tentang konsep feudalisme ialah orang sering menyamakannya dengan gejala-gejala negatif seperti kemunduran, penindasan, peperangan, kekacauan, perpecahan politik dan sebagainya.⁶⁵ Ini berpunca daripada pengaruh kajian tentang feudalisme Eropah Barat Zaman Pertengahan yang menampakkan seolah-olah feudalisme berperanan

mewujudkan kesengsaraan, perpecahan dan meruntuhkan kerajaan-kerajaan Eropah.

Sebenarnya gejala-gejala peperangan, perebutan takhta, perpecahan politik dan kekacauan yang menyebabkan keruntuhan sesebuah kerajaan sering berlaku dalam sejarah kebanyakan masyarakat tanpa mengira masa, tempat atau keadaan. Ia tidak semestinya mempunyai kaitan dengan perkembangan feudalisme. Malah di Eropah Barat Zaman Pertengahan sendiri misalnya, peperangan saudara dan perpecahan politik sudah berlaku sejak awal, sekurang-kurangnya sejak daripada kematian raja Clovis yang memerintah kerajaan Merovingian pada tahun 511 lagi.⁶⁶ Bahkan perpecahan dan kekacauan berlaku secara meluas dan berterusan dalam era pemerintahan raja-raja Frankish selepasnya kerana budaya pemerintahan Frankish pada masa itu yang gemar membahagi-bahagikan kuasa dan wilayah kepada pewaris-pewarisnya. Meskipun perkembangan ini sudah berlaku sejak awal, namun ahli sejarah tidak cenderung mengaitkannya dengan perkembangan feudalisme Eropah.

Carolingian mengalami kemerosotan dan keruntuhannya kerana masalah dalaman seperti perpecahan, perang saudara, wilayah yang terlalu luas untuk ditadbir oleh kerajaan yang korup dan serba-serbi kekurangan. Ini ditambah lagi dengan desakan faktor luaran iaitu berlakunya serangan luar. Kemerosotan kerajaan itu bukanlah disebabkan kerana kerajaan itu dikendalikan berasaskan prinsip-prinsip hubungan feudal. Hakikat ini menjadi semakin jelas kerana berdasarkan kajian-kajian yang dibuat, rata-rata ahli sejarah mendapati di kebanyakan tempat sama ada Eropah mahupun Asia, perpecahan politik, perang saudara, kekacauan dan juga keruntuhan sesebuah kerajaan sebenarnya mendahului proses pembentukan sesebuah institusi dan masyarakat feudal.⁶⁷

Keadaan sebaliknya didapati berlaku iaitu institusi atau masyarakat feudal tidak dapat berkembang dengan lengkap dalam sesebuah masyarakat yang masih dikawal oleh satu bentuk pemerintahan berpusat dan stabil, misalnya di England di bawah Alfred the Great (871-900) atau Jerman di bawah Otto I the Great (912-973). Pendek kata, dalam hubungan sebab akibat yang terjalin antara amalan feudalisme dan keruntuhan sesebuah kerajaan, sebenarnya kelemahan dan perpecahan sesuatu kerajaan itulah yang menjadi pendahulu dan penyumbang kepada perkembangan feudalisme. Oleh itu, sekiranya ahli sejarah ingin mengaitkan feudalisme dengan gejala-gejala perpecahan politik dan kekacauan, maka di sini feudalisme haruslah dilihat tidak lebih sebagai satu akibat, bukannya punca kepada perpecahan. Feudalisme, seperti yang ditegaskan oleh Hoyt, “...was the result, not the cause of “decentralization.”⁶⁸

Kebanyakan ahli sejarah yang mengkaji perkembangan feudalisme Eropah Zaman Pertengahan berpendapat, amalan feudalisme sebenarnya lebih bersifat konstruktif daripada destruktif. Ini kerana ia telah berjaya mengekang gejala-gejala peperangan dan penaklukan musuh-musuh dari luar serta menyelamatkan Eropah Barat daripada mengalami keruntuhan menyeluruh.⁶⁹ Di samping itu, amalan feudalisme juga telah menyediakan satu bentuk organisasi politik dan sosial yang jauh lebih kukuh, efektif dan stabil serta dapat menarik kesetiaan rakyat berbanding corak pemerintahan empayar yang diamalkan sebelumnya. Dengan kata lain, perkembangan feudalisme telah membolehkan sistem politik dan sosial di Eropah disusun semula sesuai dengan kehendak-kehendak semasa yang wujud pada zaman kekacauan itu.

Oleh itu, ramai pengkaji sejarah Eropah menegaskan sekiranya sesebuah organisasi feudal dikendalikan dengan baik, ia boleh menjadi satu nukleus kepada kegiatan perluasan wilayah dan pembentukan sesebuah kerajaan yang jauh lebih kuat dan lebih stabil. Ini dapat dibuktikan dengan jelas sekiranya kita mengambil kira perkembangan-perkembangan yang telah berlaku di sesetengah wilayah feudal seperti Normandy, Anjou, Flanders, Brittany dan Aquitaine yang telah menjadikan hubungan feudal sebagai asas-asas pemerintahan kerajaannya. Wilayah-wilayah kecil ini bukan sahaja berjaya mengatasi semua ancaman musuh dari luar seperti Viking dan Muslim, bahkan mereka muncul sebagai negara feudal yang sangat kuat dengan menakluki negara lain yang jauh lebih besar. Dari sudut ini, kita boleh mengatakan perkembangan feudalisme sebenarnya telah menggalakkan proses pengukuhan dan penyatuan politik di Eropah Barat. Malah ia menjadi landasan utama yang menggerakkan kepada pembentukan pemerintahan monarki baru dan kelahiran negara-bangsa moden.

PENUTUP

Perbahasan di atas menjelaskan bahawa perbincangan tentang feudalisme sebagai satu konsep mestilah dibuat secara teliti, lengkap dan menyeluruh agar ia dapat mewujudkan satu kefahaman yang lebih jelas terhadap asas-asas yang terkandung dalam konsep itu.

Dalam perbincangan di atas, dijelaskan bahawa terdapat empat ciri utama yang terkandung dalam konsep feudalisme iaitu militerisme, hubungan timbal balas *vassalage*, *fief* dan pembahagian kuasa antara golongan hulubalang atau pembesar feudal. Keempat-empat ciri pokok itu wujud secara kait mengait dan mencukupi antara satu sama lain. Oleh itu, ahli sejarah tidak boleh

membincangkan tentang konsep atau perkembangan feudalisme dengan hanya menumpukan kepada salah satu atau sebahagian daripada ciri tersebut kerana ini boleh menyebabkan timbulnya kekeliruan dan kecelaruan terhadap konsep itu.

Sebagai satu konsep yang tersendiri, feudalisme mempunyai ciri-ciri pokok dan garis sempadan yang dapat membezakan dan mengasingkannya daripada konsep-konsep atau unsur-unsur lain yang wujud sehampir atau kelihatan serupa dengannya. Misalnya feudalisme sebagai satu konsep militerisme tidak boleh disamakan sepenuhnya atau dicampurkan adukkan dengan unsur-unsur lain seperti manorialisme, serfdom, perhambaan atau kebangsawan walaupun unsur-unsur tersebut turut wujud dalam perkembangan sejarah masyarakat feudal di Eropah Barat Zaman Pertengahan. Ini kerana, unsur-unsur tersebut wujud secara tersendiri dan didapati telah berkembang sejak sebelum dan mahupun selepas zaman feudal. Kegagalan ahli sejarah mengasingkan feudalisme dengan unsur-unsur Zaman Pertengahan yang bukan feudal itu telah mempengaruhi kepada timbulnya kesalahfahaman yang meluas tentang konsep feudalisme, sehingga mendorong ramai pihak menyamakan feudalisme dengan apa sahaja unsur yang terdapat pada Zaman Pertengahan.

NOTA AKHIR

¹Lihat pandangan yang dikemukakan oleh J. G. A. Pollock & F. W. Maitland, *History of English Law*, Edisi Ke-3, Cambridge: Cambridge University Press, 1923, hlm 66-67; dan Carl Stephenson, *Medieval Feudalism*, Cetakan Ke-8, Ithaca: Cornell University Press, 1965, hlm. 1-2

²H. G. Richardson & G. O. Sayles, *The Government of Medieval England from the Conquest to Magna Carta*, Edinburgh: Edinburgh University Press, 1963, hlm. 30-31 dan 116-118.

³Elizabeth A. R. Brown, "The Tyranny of Construct: Feudalism and Historians of Medieval Europe", *American Historical Review* 79 (4-5), 1974, hlm. 1063-1088.

⁴*Ibid.*

⁵*Ibid.*, hlm. 1088.

⁶Lihat B. D. Lyon, *The Middle Ages in Recent Historical Thought: Selected Topics*, Washington: Service Center for Teachers of History, 1959; Robert Hoyt, *Feudal Institutions: Cause or Consequence of Decentralization?*, New York: Holt, Rinehart & Winston, 1961; dan F. L. Ganshof, *Feudalism* (terj. Grierson), Edisi Ke-3, London: Longman, 1964.

⁷Pendekatan yang melihat feudalisme dari sudut ekonomi dipelopori oleh pengkaji aliran Marxist. Untuk kefahaman lebih lanjut tentang pendekatan aliran ini, lihat R. H. Hilton, "Feudal Society" dlm Tom Bottomore (pnys.), *A Dictionary of Marxist Thought*, London: Blackwell, 1983, hlm. 166-170.

⁸Lihat George Duby, "La féodalité: Une mentalité médiévale" (Feudalisme: Satu Pemikiran Zaman Pertengahan), *Annales Economies Societes Civilisations* 13, 1958,

hlm. 766. Di Malaysia, sesetengah pengkaji turut mengaitkan konsep 'feudalisme Melayu' dengan 'psikologi feudal'. Lihat Syed Hussein Alatas, "Feudalism in Malaysian Society: A Study in Historical Continuity" dlm *Modernization and Social Change*, Sydney: Angus and Robertson, 1972, hlm. 100-111.

⁹F. W. Maitland, *The Constitutional History of England*, Cetakan Ke-17, Cambridge: Cambridge University Press, 1968, hlm. 143.

¹⁰B. D. Lyon, *The Middle Ages in Recent Historical Thought: Selected Topics*, Washington: Service Center for Teachers of History, 1959, hlm. 13.

¹¹Micheal Postan dlm "foreword" kepada tulisan Marc Bloch, *Feudal Society*(terj. L. A. Manyon), Jilid. 1, London: Routledge & Kegan Paul, 1971, hlm. xiv.

¹²Arthur Marwick, *The Nature of History*, Edisi Ke-3, Chicago: Lyceum Books, 1989, hlm 144-145.

¹³S. N. Mukherjee, "The Idea of Feudalism: From Philosophers to Karl Marx" dlm Edmund Leach, S. N. Mukherjee & John Ward (pnys.), *Feudalism: Comparative Studies*, Sydney: Sydney Association for Studies in Society & Culture No. 2, 1985, hlm. 27.

¹⁴Arthur Marwick, *The Nature of History*, hlm. 150.

¹⁵Pandangan Ronald Syme, *The Roman Revolution* seperti yang dipetik oleh Otto Brunner, "Feudalism: The History of a Concept" dlm F. L. Cheyette (pnys.), *Lordship and Community in Medieval Europe*, hlm. 33.

¹⁶V. Birioukovitch & I. Levitski, "Le Moyen Age" (Zaman Pertengahan), *Féodalisme*, 37, 1963, hlm. 10. Tentang takrifan-takrifan feudalisme oleh pengkaji aliran Marxist, lihat juga G. Vernadsky, "Feudalism in Russia", *Speculum* 14 (3), 1939, hlm. 301-302; R. H. Hilton, "Feudal Society" dlm Tom Bottomore (pnys.), *A Dictionary of Marxist Thought*, hlm. 166; Barry Hindess & P. Q. Hirst, *Pre-Capitalist Modes of Production*, London: Routledge & Kegan Paul, 1975, hlm. 1-20; M. Aymard, "L'Europe moderne: Féodalité ou féodalités?" (Eropah Moden: Feudalisme atau Beberapa Feudalisme?), *Annales Economies Societes Civilisations* 36, 1981, hlm. 426-434; dan R. J. Holton, *The Transition from Feudalism to Capitalism*, London: Macmillan, 1985, hlm. 23.

¹⁷*Ibid.*, hlm. 10-12. Lihat juga S. H. Rigby, "Marxist Historiography" dlm Michael Bentley (pnys.), *Companion to Historiography*. London: Routledge, 1997, hlm. 889-915; J. Wilczynski, *An Encyclopedia Dictionary of Marxism, Socialism and Communism*, Berlin: Warter de Gruyter, 1984, hlm. 185; dan dua artikel oleh Charles Parain, "Évolution du système féodal européen"(Evolusi sistem feudal Eropah) dan "Caracteres generaux du féodalisme"(Ciri-Ciri umum feudalisme) yang dimuatkan dlm satu kertas seminar bertajuk *Sur le féodalisme*(Perbincangan tentang feudalisme), Paris: Centre d'Etudes et de Recherches Marxistes, 1971, hlm. 13-17 dan 18-34.

¹⁸*Great Soviet Encyclopedia* (1956) seperti dipetik oleh Otto Brunner, "Feudalism: The History of a Concept" dlm F. L. Cheyette (pnys.), *Lordship and Community in Medieval Europe*, hlm. 46.

¹⁹R. H. Hilton, "Feudalism in Europe: Problems for Historical Materialist", *Past & Past* 147, 1984, hlm. 85; dan "Feudal Society" dlm Tom Bottomore (pnys.), *A Dictionary of Marxist Thought*, hlm. 166-170. Dari sudut ini, Joseph R. Strayer menegaskan, "Satu definisi yang boleh melibatkan semua masyarakat dari masyarakat awal Timur Tengah, Empayar Rom, Zaman Pertengahan Eropah, wilayah selatan Amerika Syarikat pada kurun ke-19 dan Soviet Union pada 1930-an tidak begitu berguna dalam analisis sejarah." Lihat J. R. Strayer, "The Two Levels of Feudalism" dlm R. S. Hoyt (pnys.), *Life and Thought in the Early Middle Ages*, Minneapolis: University of Minnesota Press, 1967, hlm. 52.

²⁰Tentang hal ini lihat tulisan J. Q. C. Mackerel, *The Attack on 'Feudalism' in the Eighteenth Century France*, London: Routledge & Kegan Paul, 1973.²¹Lihat misalnya Syed Hussein Alatas, "Feudalism in Malaysian Society: A Study in Historical

Continuity” dlm *Modernization and Social Change*, Sydney: Angus & Robertson, 1981, hlm. 100-111; Chandra Muzaffar, *Protector*; “Continuity and Change in Malay Ideas of the Melakan Period” dlm Kernial S. Sandhu & Paul Wheatly (pnys.), *Melaka: The Transformation of A Malay Capital 1400-1980*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1983, hlm. 47-65; dan Shaharuddin Maaruf, “Renungan Ke Atas Sejarah Massa Melayu” dlm *Di Sebalik Jendela Utusan*, Kuala Lumpur: Utusan Publishing, 1989, hlm. 118-127.

²²F. L. Cheyette (pnys.), *Lordship and Community in Medieval Europe*, pengenalan hlm. 2-3.

²³Tentang istilah *bastard feudalism*, lihat K. B. McFarlane, “Bastard Feudalism”, *Bulletin Institute of Historical Research* 20, 1945, hlm. 161-180.

²⁴Marc Bloch, *Feudal Society*, 2 Jilid, (terj. L. A. Manyon), Chicago: University of Chicago Press, 1961.

²⁵F. L. Ganshof, *Feudalism* (terj. P. Grierson), London: Longman, 1964.

²⁶R. S. Hoyt, *Feudal Institutions: Cause or Consequence of Decentralization?* New York: Holt, Rinehart & Winston, 1961, hlm. 2.

²⁷Carl Stephenson, *Medieval Feudalism*, hlm. 5-10.

²⁸Stephenson menjelaskan, “Oleh kerana tanah feudal (*benefice*) dipegang oleh vassal berasaskan syarat perkhidmatan tentera, maka kita boleh menyebutnya sebagai “*a military benefice*.” Lihat *Ibid*, hlm. 11. Lihat juga pernyataan yang sama dalam tulisannya yang lain, iaitu “The Origins and Significance of Feudalism” dlm Bryce D. Lyon (pnys.), *Medieval Institutions: Selected Essays by Carl Stephenson*, Ithaca, New York: Cornell University Press, 1954, hlm. 217 & 234.

²⁹*Ibid.*, hlm. 17.

³⁰J. R. Strayer, *Feudalism*, hlm. 22.

³¹R. H. C. Davies, *A History of Medieval Europe: From Constantine to Saint Louis*, London: Longman, 1970, hlm. 126-127. Lihat juga R. A. Brown, *Origins of English Feudalism*, hlm. 29.

³²Carl Stephenson, *Medieval Feudalism*, hlm. 13.

³³F. L. Ganshof, *Frankish Institutions Under Charlemagne* (terj. Bryce & Mary Lyon), New York: W.W. Norton & Co., 1968, hlm. 51.

³⁴C. W. Previt -Orton, *The Shorter Cambridge Medieval History*, Cambridge: Cambridge University Press, 1953, hlm. 418; dan Kani’chi Asakawa, “Some Aspects of Japanese Feudal Institutions”, *Transactions of the Asiatic Society Journal* 46 (1), 1918, hlm. 79.

³⁶Menurut Tierney & Painter, “Tujuan asas hubungan feudal adalah kerjasama dalam perang.” Lihat Brian Tierney & Sidney Painter, *Western Europe in the Middle Ages 300-1475*, hlm. 137. Tentang kepentingan khidmat ketenteraan dalam pembentukan hubungan dan institusi feudal, lihat juga pandangan-pandangan yang dikemukakan oleh C. E. Odegaard, *Vassi and Fideles in the Carolingian Empire*, Cambridge: Harvard University Press, 1945, hlm. 22; Lynn White, *Medieval Technology and Social Change*, hlm. 31; Guy Fourquin, *Lordship and Feudalism in the Middle Ages*, hlm. 122; dan H. M. Gwatkin, *The Cambridge Medieval History*, 3 Jld, Cambridge: Cambridge University Press, 1976, hlm. 461.

³⁷Lihat Ganshof, *Frankish Institution Under Charlemagne*, (terj. B. D. Lyon & Mary Lyon), New York: W. W. Norton & Co., 1968, hlm. 50. Lihat juga H. A. Cronne, “Historical Revision: The Origins of Feudalism”, *History* 24, 1939, hlm. 253.

³⁸Lihat J. R. Strayer, “The Idea of Feudalism” dlm Rushton Coulborn (pnys.), *Feudalism in History*, hlm. 9.

³⁹H. A. Cronne, “Historical Revision: The Origins of Feudalism”, *History*, hlm. 253.

⁴⁰F. M. Stenton, *The First Century of English Feudalism*, Oxford: Oxford University Press, 1932, hlm. 215.

⁴¹Joseph R. Strayer, "The Idea of Feudalism" dlm Rushton Coulborn (pnys.), *Feudalism in History*, hlm. 4-5 dan 16. Lihat juga pandangan Strayer dlm tulisan yang lain yaitu "Two Levels of Feudalism" dlm R. S. Hoyt (pnys.), *Life and Thought in the Early Middle Ages*, Minneapolis: University of Minnesota Press, 1967, hlm. 51; dan "The Development of Feudal Institutions" dlm Marshall Clagett, Gaines Post & Robert Reynolds (pnys.), *Twelfth-Century Europe and the Foundations of Modern Society*, Madison: The University of Wisconsin Press, 1965, hlm. 76.

⁴²*Ibid.*, hlm. 12.

⁴⁴J. R. Strayer, "Feudalism in Western Europe" dlm Rushton Coulborn (pnys.), *Feudalism in History*, hlm. 16; dan *Feudalism*, hlm. 12-14. Lihat juga pendapat beliau yang sama yang telah dikemukakan dalam beberapa tulisannya yang lain yaitu "The Two Levels of Feudalism" dlm Robert S. Hoyt (pnys.), *Life and Thought in the Middle Ages*, hlm. 51; "The Development of Feudal Institutions" dlm Marshall Clagett, Gaines Post & Robert Reynolds (pnys.), *Twelfth Century Europe and the Foundations of Modern Society*, hlm. 76-88; dan "The Tokugawa Period and Japanese Feudalism" dlm J. W. Hall & Marius Jansen (pnys.), *Studies in the Institutional History of Modern Japan*, Princeton: Princeton University Press, 1968, hlm. 3-14.

⁴⁵Lynn White, *Medieval Technology and Social Change*, hlm. 136.

⁴⁶*Ibid* Tentang hal ini, lihat Owen Lattimore, "Feudalism in History: Review Article", *Past & Present* 12, 1957, hlm. 50. Antara sarjana Barat yang turut mengaitkan perkembangan feudalisme di Eropah dengan aspek ketenteraan ialah F. L. Ganshof, F.M. Stenton, Sidney Painter, Lynn White, R. A. Brown, H. A. Cronne, John Beeler, Brian Tierney, J. W. Hollister dan ramai lagi.

⁴⁷Lihat J. R. Strayer, *Feudalism*, hlm. 13; dan R. S. Hoyt, *Feudal Institutions*, hlm. 2-3.

⁴⁸*Ibid.* Seorang pengkaji sejarah feudalisme Jepun, Kani'chi Asakawa telah menyenaraikan tiga aspek utama yang mesti terdapat dalam pembentukan sesebuah masyarakat feudal, iaitu hubungan persendirian antara dua hulubalang, pembahagian kelas masyarakat berasaskan pemilikan tanah dan kepentingan golongan tentera sebagai pemerintah dan pemegang kekuasaan. Untuk penjelasan lanjut tentang pendapat Asakawa ini, lihat Kanichi Asakawa, "Some Aspects of Japanese Feudal Institutions", *Transactions of the Asiatic Society Journal*, hlm. 77-102

⁵⁰Kani'chi Asakawa, *Ibid.*, hlm. 80-81.

⁵¹Owen Lattimore, "Feudalism in History: Review Article", *Past & Present*, hlm. 50. Lihat juga Robert Nisbet, "The Rise of Western Feudalism" dlm *The Social Philosophers: Community and Conflict in Western Thought*, London: Heinemen, 1973, hlm. 42-43.

⁵²Kani'chi Asakawa, "Some Aspects of Japanese Feudal Institutions", *Transactions of the Asiatic Society Journal*, hlm. 81.

⁵³Lihat Claude Cahen, "Reflexions sur l'usage du mot feodalité" (Pertimbangan terhadap Penggunaan Perkataan Feudalisme), *Le feodalisme*, hlm. 203-214.

⁵⁴*Ibid.*, hlm. 211.

⁵⁵J. W. Hall, "Feudalism in Japan", *CSSH*, hlm. 15-51.

⁵⁶*Ibid.*, hlm. 24.

⁵⁷*Ibid.*

⁵⁸*Ibid.*, hlm. 31.

⁵⁹*Ibid.*

⁶⁰*Ibid.*

⁶¹Brown misalnya menegaskan, "*Feudalism, strictly defined and thus properly understood, is an upper-class affair.*" Lihat R. A. Brown, *Origins of English Feudalism*, hlm. 23. Lihat juga R.S. Hoyt, *Feudal Institutions: Cause or Consequence of Decentralization?*, hlm. 3.

⁶²R. S. Hoyt, *Ibid.* Bagaimanapun ini bukanlah bermakna tidak wujud sebarang unsur kekecualian. Di sebahagian negara Eropah Zaman Pertengahan, sesetengah *serf* didapati turut menjadi *vassal* dan sesetengah golongan peniaga juga turut memegang *fief*, tetapi kekecualian ini tidak begitu menonjol dan penting.

⁶³B. D. Lyon, *The Middle Ages in Recent Historical Thought*, hlm. 7-8.

⁶⁴*Ibid.* Lihat juga Rushton Coulborn, "Feudalism, Brahminism and the Intrusion of Islam upon Indian History", *Comparative Studies in Society and History*, hlm. 360; J. R. Strayer & D. C. Munro, *The Middle Ages 395-1500*, hlm. 7-10; dan Guy Fourquin, *Lordship and Feudalism in the Middle Ages*, hlm. 13.

⁶⁵Bagi sesetengah pengkaji sejarah Eropah Barat Zaman Pertengahan seperti Joseph Calmette, Henri Pirenne, J. W. Thompson dan ramai lagi, perkembangan feudalisme dianggap sinonim dengan apa yang disebut sebagai proses "...the disintegration of the state". Lihat Joseph Calmette, *La société feudale* (Masyarakat Feudal), Edisi Ke-3, Paris: Armand Colin, 1932; *Le monde feudal* (Dunia Feudal), Paris: Presses Universitaires de France, 1937; dan Henri Pirenne, *A History of Europe: From the Invasions to the XVI Century* (terj. Bernard Miall), Cetakan Ke-9, London: George Allen & Unwin, 1967. Untuk keterangan lebih lanjut tentang hal ini, lihat juga Brian Tierney, Donald Kagan & L. P. Williams (pnys.), *Feudalism: Cause or Cure of Anarchy?*, New York: Random House, 1967; dan R. S. Hoyt, *Feudal Institutions: Cause or Consequence of Decentralization?*⁶⁶R. H. C. Davies, *A History of Medieval Europe*, London: Longman, 1971, hlm. 111.

⁶⁷Kani'chi Asakawa, "Some Aspects of Japanese Feudal Institutions", *Transactions of the Asiatic Society of Japan*, hlm. 80-82; Carl Stephenson, *Medieval Feudalism*, khususnya bab 6; J. R. Strayer, "Feudalism in Western Europe" dlm Rushton Coulborn (pnys.), *Feudalism in History*, hlm. 20-22; dan A. Lewis, *Knights and Samurai*, khususnya bab 2.

⁶⁸R. S. Hoyt, *Feudal Institutions: Cause or Consequence of Decentralization?*, hlm. 3.

⁶⁹Lihat misalnya pandangan Carl Stephenson, *Medieval Feudalism*, khususnya bab 6; J. R. Strayer, "Feudalism in Western Europe" dlm Rushton Coulborn (pnys.), *Feudalism in History*, hlm. 22-25; dan R. W. Southern, *The Making of the Middle Ages*, London: Yale University Press, 1953, hlm. 80-90. Menurut Sidney Painter & Brian Tierney, kemunculan feudalisme "...prevented a total collapse of society into a condition of 'war of all against all'". Lihat Sidney Painter & Brian Tierney, *Western Europe in the Middle Ages 300-1475*, hlm. 143-144.